

Bola tampar eratkan staf UMSKAL, FPL

NSR 13.8.2019 - 15

LABUAN: Sukan bola tampar telah mengeratkan persahabatan antara staf Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) dan pemain Fakulti Pertanian Lestari (FPL) UMS Kampus Sandakan.


Perlawanan itu diadakan sempena program lawatan muhibah staf UMSKAL ke Fakulti Pertanian Lestari UMS Kampus Sandakan, baru-baru ini.

Pasukan UMSKAL diketuai Ketua Program Lawatan, Che Din Md Salleh yang turut dibarisi Penolong Pendaftar Kanan yang juga Ketua Sektor Pentadbiran dan Sumber Manusia (SPSM) UMSKAL, Mas Adi Alimin.

Che Din berharap pada masa akan datang, lebih banyak acara sukan dapat diadakan antara kedua-dua pihak.

"Perlawanan bola tampar itu bukan sahaja melengkapkan program lawatan ke FPL tetapi juga dapat mengeratkan hubungan persahabatan antara staf UMSKAL dengan staf Fakulti Pertanian Lestari, UMS Kampus Sandakan," katanya ditemui selepas perlawanan tersebut.

Perlawanan itu turut disaksikan Timbalan Pendaftar FPL, Dr Roslan Gimba dan Penolong Pendaftar FPL, Roslianah Opao. **-JAIN-UDIN DJIMIN**



PEMAIN UMS Kampus Antarabangsa Labuan dan Fakulti Pertanian Lestari bergambar kenangan sebelum perlawanan di FPL, UMS Kampus Sandakan.